



جابتن فردان منتري
PRIME MINISTER'S OFFICE
BRUNEI DARUSSALAM

فلان ستراتيچك جابتن فردان منتري

PELAN STRATEGIK JABATAN PERDANA MENTERI

PRIME MINISTER'S OFFICE STRATEGIC PLAN

2021 - 2025





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿٥٨﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Surah An-Nisa’: 58

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۝

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah dan kepada “Ulil-Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.

Surah An-Nisa’: 59

Hadith daripada Aisyah Ummul Mukminin

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَىٰ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ

“Maksudnya: Bahawa Allah suka jika hambanya apabila mengerjakan sesuatu kerja (tugasan) dilaksanakan dengan cermat (berhati-hati)”

Diterbitkan oleh
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

Tel: 2224645 / 2223626 / 2224684 / 2224796

Website: www.jpm.gov.bn

Rekabentuk oleh Jabatan Penerangan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Penerbitan ini tidak boleh dicetak / diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit. Penerbitan ini diedarkan untuk kegunaan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam sahaja. Sebarang penggunaan isi kandungan atau bahan dari buku ini adalah ditegah kecuali mendapat kebenaran / persetujuan daripada penerbit.

ISI KANDUNGAN

- 1 - 2 Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali ke-36 bagi tahun 2020
- 3 - 4 Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

- Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
- 5 Prakata 'Sekapur Sirih' daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- 7 - 8 Visi dan Misi Jabatan Perdana Menteri

- 9 Nilai-Nilai Teras
- 11 - 12 Matlamat Strategik
- 13 - 14 Tema Strategik
- 15 Strategi-Strategi
- 17 - 26 Inisiatif-Inisiatif Utama
- 27 - 28 Kerangka Pelan Strategik

CONTENTS

- 1 - 2 *Excerpt from the Titah of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, in conjunction with the 36th National Day Anniversary of Brunei Darussalam 2020*
- 3 - 4 *Sabda of His Royal Highness Prince Haji Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

- Mu'izzaddin Waddaulah, The Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office*
- 5 *"Sekapur Sirih" Foreword from The Honourable Minister at the Prime Minister's Office*
- 7 - 8 *Vision and Mission of the Prime Minister's Office*
- 9 *Core Values*

- 11 - 12 *Strategic Goals*
- 13 - 14 *Strategic Themes*
- 15 *Strategies*
- 17 - 26 *Main Initiatives*
- 27 - 28 *Strategic Plan Framework*



TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BERSEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-36 BAGI TAHUN 2020

“ Sudah sewajarnya kita merafa’akan syukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dengan izinNya jua, dapatlah pula kita meraikan Hari Kebangsaan pada tahun ini. Semoga dengan perayaan ini akan mengingatkan kita kepada rahmat Allah berupa kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran. Rahmat Allah turun, kerana negara ini berstatus ‘Negara Zikir’, dengan umat di dalamnya menjalani kehidupan bertakwa. Apabila sesebuah negara dihuni oleh manusia-manusia ahli takwa, maka janji Allah pasti berlaku menurunkan berkat daripada langit dan mengeluarkannya daripada bumi. Pada tahun ini kita menjulang tema sambutan, berbunyi: “Menjayakan Wawasan Negara”. Menyebut wawasan sahaja tidak memadai. Tetapi yang penting, kita mesti menentukan ‘dasar’, selaku penunjuk arah kepada satu-satu matlamat atau tujuan yang hendak dicapai. ”



TITAH OF HIS MAJESTY SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM

IN CONJUNCTION WITH THE 36TH NATIONAL DAY ANNIVERSARY OF BRUNEI DARUSSALAM 2020

“ It would be most appropriate for us to express gratitude to Allah the Almighty, as it is with His blessing that we are able to celebrate our National Day this year. May this occasion remind us of Allah’s rewards in the form of independence, peace and prosperity. Allah’s blessing descends upon us because this country holds the status of ‘Nation of Zikir,’ whose people are living in faith. When a country is inhabited by the pious, then the promise of the Almighty would surely bring about blessings from the skies and also from the Earth. This year we carry the theme, ‘Menjayakan Wawasan Negara’ (Realising the National Vision). The mere mention of vision would not suffice. But what is important is that we must determine ‘policy’ as a wayfinder for any particular objective or aim that is to be achieved. ”

**SABDA DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,
MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Segala puji-pujian dan syukur hanyalah ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan pemilik serta seru semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia dan jujur hingga ke akhir zaman.

Bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah rahmat dan izin-Nya, Jabatan Perdana Menteri telah dapat membukukan **Pelan Strategik Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2021 - 2025**.

Sesungguhnya, kejayaan ini adalah merupakan manifestasi komitmen, ketekunan serta permuafakatan dan kerjasama padu seluruh warga Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya dalam menanai tinggi amanah yang diletakkan ke atasnya selaku jentera utama Kerajaan di negara ini. Perpaduan sedemikian inilah juga yang akan menjadi tunjang kepada memastikan segala apa yang direncanakan akan terjelma menjadi realiti.

Alhamdulillah, berkat kewibawaan dan pimpinan bijaksana Paduka Ayahanda dalam menerajui pentadbiran negara, Negara Brunei

Darussalam sebagai sebuah negara yang berbilang kaum adalah juga merupakan sebuah negara yang unik kerana dalam memenuhi kehendak pembangunan dan kemajuan, ianya masih mampu mengekalkan keamanan dan keharmonian dikalangan Rakyat dan Penduduk di negara ini dalam Beraja, Bernegara dan Beragama. Dalam masa yang sama, aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang Paduka Ayahanda pelopori akan juga terus sahaja menjadi sandaran dan keutamaan dalam setiap aspek pembangunan dan kemajuan di negara ini.

Demikianlah juga yang dituntut ke atas setiap warga Jabatan Perdana Menteri untuk terus mencetuskan pemikiran-pemikiran bernas dan berpandangan jauh dengan keupayaan membentuk dasar-dasar strategik yang relevan, serta perancangan terarah lagi teratur yang merentasi pelbagai bidang sebagai pemangkin kepada inisiatif transformasi yang diperlukan dalam menelusuri perubahan dan tren-tren semasa dengan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Ugama Islam serta menanai tinggi falsafah Melayu Islam Beraja.

Ini adalah penting, pada mengambil kira bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi sektor awam masa kini adalah semakin hebat dan ada kalanya



**SABDA OF HIS ROYAL HIGHNESS PRINCE HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI HIS MAJESTY SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, THE CROWN PRINCE AND
SENIOR MINISTER AT THE PRIME MINISTER'S OFFICE BRUNEI DARUSSALAM**

All praises and gratitude go exclusively to Allah the Almighty, the Creator and Master of all the Universe. Selawat and salam upon the Prophet Muhammad (peace be upon him), his kinsfolk and companions, as well as the Prophet's followers, who have remained devoted and loyal until the end of time.

We are grateful to Allah the Almighty, as it is with Allah's blessing and permission that the Prime Minister's Office has been able to publish the Prime Minister's Office Strategic Plan 2021-2025.

Indeed, this achievement is a manifestation of the strong commitment, perseverance, unanimity and cooperation of all members of the Prime Minister's Office and its Departments in upholding the high level of trust that has been placed upon them as the main engine of Government in the country.

It is solidarity of such kind that will become the foundation for ensuring

that whatever is being planned would become a reality.

Alhamdulillah, thanks to the wise and benevolent leadership of His Majesty, my father in leading the country's administration, Brunei Darussalam as a nation of various races is also unique in that, in fulfilling its desire for progress and development, it is nevertheless able to preserve peace and harmony amongst its citizens and residents in monarchy, nationhood and religion.

At the same time, the aspirations of Wawasan Brunei 2035 (Brunei Vision 2035) that His Majesty, my father had pioneered, will also continue to be a yardstick and a priority in all aspects of progress and development in the country.

The same is also expected of all members of the Prime Minister's Office, in terms of maintaining clarity of thought and being far-sighted, with the ability to shape relevant strategic policies, as well as to ensure resolute

sukar diramal. Justeru, adalah mustahak bagi Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam (*Civil Service Delivery System*) untuk sentiasa diperkemaskan kearah memberikan perkhidmatan bernilai-tambah yang berpaksikan pengupayaan pengurusan dan pelaksanaan core business yang pro-kemajuan dan lebih mesra pembangunan.

Dalam hubungan ini, Insyallah Pelan Strategik ini nanti yang turut menitikberatkan tentang aspek-aspek kesiapsiagaan atau *future ready* yang berasaskan kaedah *foresight* dengan mempelopori potensi transformasi digital dalam sistem urustadbir sedia ada, diharap akan memperkukuhkan lagi keberkesanan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan terasnya menerusi capaian sasaran-sasaran yang telah ditetapkan di bidang masing-masing semata-mata bagi tujuan untuk penyediaan perkhidmatan yang cemerlang dan berimpak tinggi.

Akhirnya, Saya dengan amat sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam pembentukan Pelan Strategik ini dan seterusnya yakin bahawa setiap warga Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya akan terus bersama-sama dalam menggembeling minda, tenaga dan gerak kerja ke arah menjayakan pelan ini.

and impeccable planning across various fields as a catalyst for transformational initiatives that are required in exploring change and current trends, whilst adhering to Islamic teachings and upholding the Malay Islamic Monarchy (MIB) philosophy.

This is important, especially considering that the challenges currently being faced in the public sector are becoming increasingly pressing and at times difficult to predict. In that regard, it is imperative that the Civil Service Delivery System is constantly refined so as to guarantee the delivery of value-added service that hinges upon management capabilities and the running of core business activities that are progressive and more development-friendly.

In relation to this, Insyallah, it is hoped that this forthcoming Strategic Plan, which places emphasis on aspects of future-readiness based on foresight by exploring the potential for digital transformation in the existing system of governance, would serve to reinforce the effectiveness



of the delivery of core services by way of reaching the targets that have been set in the respective fields, with the prime objective of providing excellent, high-impact service.

To conclude, it is with great pleasure that I record the highest appreciation to all that have been involved in formulating the Strategic Plan, and I am confident that every member of the Prime Minister's Office and its Departments will continue to work together to galvanise minds, energy and actions towards accomplishing this plan.



Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, dengan kurnia dan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala, Jabatan Perdana Menteri telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik yang mencerminkan peranannya sebagai agensi utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk merealisasikan “Negara Zikir” dan *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*.

Pelan Strategik Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2021-2025 memelihara Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi yang **Utama**, **Unggul** dan **Ulung** (3U) dari segi karakter dan peranannya, dan setiap pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri bolehlah menjadikannya sebagai asas rujukan dan panduan dalam menentukan hala tuju ke arah pencapaian misi dan matlamat strategik dengan berpanduan kepada Wawasan Brunei 2035.

Dengan adanya Pelan Strategik ini juga, perancangan kerja akan lebih fokus, terarah, bermatlamat, terancang dan lebih bersistematik, efisien, efektif dan berdaya tahan.

Insya Allah, dengan pelaksanaan yang konsisten, ikhlas, jujur, amanah serta kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala, juga dengan kerjasama padu dari setiap warga Jabatan Perdana Menteri, dan dengan pemantauan yang berterusan, kita akan sama-sama dapat mencapai hala tuju yang dihasratkan. Akhir sekali, saya dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat di atas komitmen yang padu dalam penghasilan Pelan Strategik ini.

Sekian. Wabillahi taufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, with the blessing of Allah the Almighty, the Prime Minister's Office has formulated a Strategic Plan that reflects its role as the prime agency of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam for the realisation of the “Nation of Zikir” and *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*.

The Prime Minister's Office Strategic Plan 2021-2025 is set to preserve the Prime Minister's Office as eternally the foremost, pre-eminent and exemplary Ministry by virtue of its character and role. And every officer and staff of the Prime Minister's Office can regard it as a source of reference and a guide in determining the way towards accomplishing the mission and strategic goals in accordance with Wawasan Brunei 2035 (Brunei Vision 2035).

This Strategic Plan would also bring about a work plan that is more focussed, well-directed, goal-oriented, well-planned and more systematic, efficient, effective and robust. Insya Allah, with an implementation that is consistent, genuine, sincere, trustworthy and which is guided by Allah the Almighty; and with continuous oversight, we could advance together in the desired direction.

Lastly I, in all sincerity, would like to record the highest appreciation and offer my congratulations to all those who had been involved, on their unyielding commitment in producing this Strategic Plan.

Wabillahi taufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Minister at the Prime Minister's Office



VISI

Kepimpinan dan urus tadbir yang cemerlang

Berpaksikan cogan kata negara "Sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk Allah", Jabatan Perdana Menteri selaku agensi utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus berusaha ke arah mendukung hasrat merealisasikan gagasan sebuah Negara Zikir dan benar-benar memenuhi ciri-ciri 'Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur'. Ke arah itu, Jabatan Perdana Menteri berperanan utama dalam pembangunan jentera Kerajaan yang cemerlang, berwibawa dan mengamalkan urustadbir yang sentiasa berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Agama Islam dan menanai tinggi prinsip Melayu Islam Beraja serta menjaga keluhuran perlembagaan dan undang-undang demi kepentingan Uagama, Raja, Bangsa dan Negara.

MISI

Menerajui pembentukan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar dan keutamaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

VISION


Excellent leadership and governance

Upholding the country's slogan "To do good with Allah's guidance," the Prime Minister's Office as the lead agency of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam continuously supports the aspiration to realise a "Nation of Zikir" that truly embodies "Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur." To that end, the Prime Minister's Office plays a key role in the development of a Government mechanism that is excellent, competent and that practises good governance whilst upholding Islamic teachings and the principles of Malay Islamic Monarchy, as well as the sovereignty of the Constitution and Laws, for the sake of Religion, Leader, Nation and Country.

MISSION

Spearheading the development, coordination and implementation of policies and priorities of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam





URUS TADBIR YANG BERDAYA MAJU

Memantapkan keberkesanan urus tadbir Kerajaan sebagai tunjang kepada memelihara imej baik dan integriti; Perkhidmatan Awam secara berterusan menerusi pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam; pengukuhan kordinasi dan kerjasama dalam penggubalan dasar selaras dengan Pendekatan 'Whole of Government' termasuklah dari sudut hubungan antarabangsa.

01

PROGRESSIVE GOVERNANCE

Strengthening effective governance as the backbone to maintaining the good image and integrity of the Civil Service through continuous systemic reforms and improvements to service delivery; Strengthening coordination and cooperation, both domestically and internationally, in policy formulation in line with the Whole of Government Approach.

KESELAMATAN & KESTABILAN NEGARA

Menyediakan persekitaran kondusif bagi pembangunan sosio-ekonomi dengan pengukuhan keselamatan dan kestabilan Negara Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan yang cekap, undang-undang yang sentiasa relevan dan sistem keadilan yang berkesan.

02

NATIONAL SECURITY & STABILITY

Providing a conducive environment for socio-economic development with strengthened national security and stability through efficient enforcement, relevant laws and effective justice systems.

KESIAPSIAGAAN KERAJAAN

Kesiapsiagaan Kerajaan melalui jalinan dan hubungan kerjasama yang kukuh antara agensi-agensi Kerajaan, serta pengupayaan dan pengurusan tenaga kerja dan aset-aset Kerajaan.

03

GOVERNMENT PREPAREDNESS

Government preparedness through strong collaboration between Government agencies, workforce and asset enablement as well as their management

MATLAMAT STRATEGIK
STRATEGIC GOALS

KEBERHASILAN YANG MEMFOKUSKAN KEPENTINGAN NEGARA DAN MASYARAKAT

Memelihara kemaslahatan Rakyat dan Penduduk di Negara ini khususnya dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi yang progresif dengan memfokuskan kepada usaha-usaha memperkukuhkan jaminan sosial dan kerjasama dengan agensi lainnya berkaitan hal ehwal kesejahteraan.

04

PEOPLE-CENTRIC OUTCOMES THAT PROTECT THE NATIONAL INTERESTS

Protecting the welfare of the people in the context of progressive socio-economic development by focusing on efforts to strengthen social security and cooperation with other agencies related to welfare matters.

ORGANISASI YANG CEMERLANG DAN MANTAP

Memantapkan urustadbir dan pengupayaan tenaga kerja dalaman melalui pengemaskinian penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai termasuklah dalam hal berkaitan pengurusan aduan, pengauditan, aset dan mempelopori potensi teknologi digital.

05

ORGANISATIONAL EXCELLENCE

Strengthening the governance and capability of internal workforce through improvements of service delivery, including effective management of complaints, auditing, asset management and exploring the potentials of digital technologies.

MATLAMAT STRATEGIK
STRATEGIC GOALS

TEMA STRATEGIK

**JPM
PIMPIN**

Memperkasa peranan JPM dalam
menerajui ekosistem dasar Kerajaan
yang berkesan

**JPM
PRIHATIN**

Meningkatkan kebajikan dan
kesejahteraan masyarakat dalam
memelihara keharmonian
negara

**JPM
MAJU**

Memantap dan meningkatmajukan
keupayaan dan kecemerlangan
organisasi

STRATEGIC THEMES

**PMO
LEADS**

*Empowering the role of PMO in
leading an effective Government policy
ecosystem*

**PMO
CARES**

*Promoting the welfare and well-being
of the people in safeguarding
national harmony*

**PMO
PROGRESSES**

*Bolstering and advancing the
capabilities and caliber of the
organisation*

JPM
**PIMPIN
LEADS**

S1 Memperkasa pencapaian Wawasan Brunei 2035
Empowering the achievement of Brunei Vision 2035

S2 Memelihara kedaulatan undang-undang
Upholding the rule of law

S3 Mentransformasi Perkhidmatan Awam
Public Service Transformation

S4 Rangkaian dasar dan strategi 'Whole of Government'
'Whole of Government' network of policies and strategies

S5 Kesiapsiagaan keselamatan dan penguatkuasaan
Security and enforcement preparedness

S6 Penyelarasan hal ehwal kesejahteraan yang berkesan dan inklusif
Effective and inclusive coordination of welfare affairs

S7 Penjalinan hubungan kerjasama erat dengan rakan strategik
Establishing close working relationships with strategic partners

S8 Pengurusan yang cekap dan berkesan
Efficient and effective management

S9 Pengurusan kemahiran dan kepakaran
Skills and expertise management

S10 Transformasi pengurusan berasaskan teknologi digital
Digital technology-based management transformation

JPM
**PRIHATIN
CARES**

JPM
**MAJU
PROGRESSES**



STRATEGI 1 | STRATEGY 1

MEMPERKASA PENCAPAIAN WAWASAN BRUNEI 2035

*Empowering the achievement
of Brunei Vision 2035*

- Pemantauan & Penilaian Pencapaian
3 Matlamat Wawasan Brunei 2035

*Monitoring & Evaluation of the Achievement
of 3 Brunei Vision 2035 Goals*

- Pelan Strategik Manpower &
Employment Council (MPEC)

*Manpower & Employment Council
(MPEC) Strategic Plan*



- Pengukuhan Sistem Keadilan

Strengthening the Justice System

- Pencegahan Jenayah

Crime Prevention

STRATEGI 2 | STRATEGY 2

MEMELIHARA KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

Upholding the rule of law



DATA ANALYTICS FOR PUBLIC SECTOR

STRATEGI 3 | STRATEGY 3
**MENTRANSFORMASI PERKHIDMATAN
AWAM**
Public Service Transformation

- Pemodelan Perkhidmatan Awam
Modernisation of Public Service
- Pelaksanaan Fiscal Consolidation
Programme JPM
*Implementation of PMO's Fiscal Consolidation
Programme*

- Mesyuarat Setiausaha-Setiausaha Tetap
Permanent Secretaries Meeting
- Koordinasi Dasar Multi-Agency
Multi-Agency Policy Coordination

STRATEGI 4 | STRATEGY 4
**RANGKAIAN DASAR DAN STRATEGI
'WHOLE OF GOVERNMENT'**
*'Whole of Government' networks of
policies and strategies*



STRATEGI 5 | *STRATEGY 5*
**KESIAPSIAGAAN KESELAMATAN DAN
PENGUATKUASAAN**
*Security and enforcement
preparedness*

- Rangka Kerja Pembangunan Kapabiliti
Capability Development Framework
- Kesiapsiagaan Operasi
Operational preparedness



Rangka Kerja Social Blueprint
Social Blueprint Framework



STRATEGI 6 | *STRATEGY 6*
**PENYELARASAN HAL EHWAL
KESEJAHTERAAN YANG BERKESAN
DAN INKLUSIF**
*Effective and inclusive coordination
of welfare affairs*



STRATEGI 7 | STRATEGY 7

PENJALINAN HUBUNGAN KERJASAMA ERAT DENGAN RAKAN STRATEGIK

*Establishing Close Working Relationships
with Strategic Partners*

- Dialog dan Kolaborasi Bersama Rakan-Rakan Strategik
Dialogue and collaboration with strategic partners
- Penyelarasan Kebangsaan Sustainable Development Goals (SDGs)
National coordination for Sustainable Development Goals (SDGs)

Pengurusan 'Lean Process'

Lean Process Management

Audit Kewangan dan Pengurusan

Financial and Management Audit

STRATEGI 8 | STRATEGY 8

PENGURUSAN YANG CEKAP DAN BERKESAN

Efficient and Effective Management



STRATEGI 9 | *STRATEGY 9*
**PENGURUSAN KEMAHIRAN
DAN KEPAKARAN**
Skills and expertise management

- **Rangka Kerja Kompetensi JPM**
Competency Framework for PMO
- **Pembangunan Kapasiti**
Capacity Building



Pelan Digital Transformasi JPM
PMO Digital Transformation Plan



STRATEGI 10 | *STRATEGY 10*
**TRANSFORMASI PENGURUSAN
BERASASKAN TEKNOLOGI
DIGITAL**
*Digital technology-based
management transformation*

RANGKA KERJA PELAN STRATEGIK
STRATEGIC PLAN FRAMEWORKVISI
VISION

Kepimpinan dan Urus tadbir yang cemerlang
Excellent Leadership and Governance

MISI
MISSION

Menerajui pembentukan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar dan keutamaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Spearheading the development, alignment and implementation of policies and priorities of the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam



PIMPINAN
Agensi utama dalam menerajui dan menyelaraskan pelaksanaan fungsi kerajaan
Leadership
Lead agency in spearheading and coordinating the implementation of government functions

INTEGRITI
Amanah dan bertanggungjawab dalam pentadbiran, pengurusan dan pelaksanaan tugas
Integrity
Reliable and responsible in the administration, management and execution of duties

MAJAKAT
Membudayakan syura dan kesepaduan dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan
Unity
Cultivating the culture of dialogue and consensus in the formulation and implementation of government policies

PERIHATIN
Sentiasa peka dan memeduli akan keperluan masyarakat bagi memastikan kelangsungan kehidupan rakyat serta ekonomi negara terpelihara
Caring
Continuously receptive and attentive to needs of society towards preservation of life and the national economy

LIJAZAM
Komited ikhlas dan berkeyakinan dalam melaksanakan tanggungjawab
Committed
Committed, sincere and confident in carrying out responsibilities

NASTAGHEITH
Sentiasa memohon pertolongan dan berkat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan niat yang baik
Nastagheith
Constantly seeking for help and blessings from Allah Subhanahu Wata'ala out of pure and good intentions

Tema Strategik & Strategi-Strategi
Strategic Theme & StrategiesPIMPIN
LEADS

- S1** – Memperkasa pencapaian Wawasan Brunei 2035
Empowering the achievement of Brunei Vision 2035
- S2** – Memelihara kedaulatan undang-undang
Upholding the rule of law
- S3** – Mensejajarkan fungsi-fungsi dalam perkhidmatan awam
Aligning public service functions
- S4** – Rangkaian dasar dan strategi 'Whole of Government'
'Whole of Government' network of policies and strategies

PRIHATIN
CARES

- S5** – Kesiapsiagaan keselamatan dan penguatkuasaan
Security and enforcement preparedness
- S6** – Penyelarasan hal ehwal kesejahteraan yang berkesan dan inklusif
Effective and inclusive coordination of welfare affairs
- S7** – Penjalanan hubungan kerjasama erat dengan rakan strategik
Establishing close working relationships with strategic partners

MAJU
PROGRESSES

- S8** – Pengurusan yang cekap dan berkesan
Efficient and effective management
- S9** – Pengurusan kemahiran dan kepakaran
Skills and expertise management
- S10** – Transformasi pengurusan berasaskan teknologi digital
Digital technology-based management transformation

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Radio Televisyen Brunei Jabatan Kehakiman Negara
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Jabatan Perkhidmatan Pengurusan

Jabatan Perdana Menteri

Institut Perkhidmatan Awam Jabatan Perkhidmatan Awam Jabatan Penerangan
Jabatan Penyelidikan Brunei Pejabat Peguam Negara Jabatan Audit
Biro Mencegah Rasuah Pasukan Polis Diraja Brunei
Jabatan Adat Istiadat Negara Biro Kawalan Narkotik
Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah
State Mufti Department Attorney General's Chambers State Judiciary
Management Services Department State Customs and Traditions Department
Radio Televisyen Brunei Department Narcotics Control Bureau Civil Service Institute

Prime Minister's Office

Brunei Research Department Information Department Royal Brunei Police Force
Audit Department Public Service Department Anti Corruption Bureau
Councils of State Department Public Service Commission
Internal Security Department

